Info Sukan

Kontigen UniMAP Menjadi Johan Tahun Kedua Berturut-turut Dalam Kejohanan Sukan Staf IPTA Kali Ke 34

Kejohanan Sukan Staf antara Universiti-Universiti Awam Malaysia adalah merupakan temasya sukan tahunan antara IPTA di Malaysia. Pada tahun 2009, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah dipilih sebagai penganjur kejohanan kali ke-34 yang telah berlangsung pada 3 - 13 Jun 2009. Pada edisi kejohanan pada kali ini sebanyak 18 acara telah dipertandingkan. Sebanyak 20 buah universiti awam Malaysia telah mengambil bahagian pada kali ini. Kebanyakan acara yang dipertandingkan telah berlangsung di beberapa lokasi di sekitar Bandar Kuala Terenggganu, Kompleks Sukan Gong Badak ,Pantai Batu Burok dan di sekitar kampus UMT dan UDM. Penginapan peserta juga turut disediakan di kampus UDM dan kampus UMT.

Upacara Perasmian Pembukaan telah diadakan di dewan tertutup Kompleks Sukan Tuanku Mizan yang dirasmikan oleh Y.B Dato Saiffudin Abdullah, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi yang mewakili Menteri Pengajian Tinggi.

Dalam edisi kejohanan ini pasukan Universiti Malaysia Perlis yang diketuai oleh En Mohd Mustafa Al Bakri Bin Abdullah selaku Ketua Kontinjen yang turut dibantu oleh En Afizal Bin Abu Othman selaku Pengarah Pusat Sukan UniMAP menyertai semua acara yang dipertandingkan kecuali tarik tali dengan kontijen seramai 200 orang termasuk pengurus dan jurulatih. Y.Bhg Dato Naib Canselor, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin juga turut hadir ke upacara perasmian ini dan bersama-sama memberi sokongan kepada atlet UniMAP sepanjang kejohanan diadakan.

Pada edisi kali ini, Kontigen UniMAP telah mendahului pada hari pertama dan kedua dalam acara Olahraga dengan membawa pulang pingat terbanyak iaitu 19 Emas, 12 Perak dan 4 Gangsa meninggalkan Universiti Kebangsaan Malaysia dengan 7 Emas serta Universiti Malaysia Sabah dengan 5 Emas. Dalam acara Olahraga juga Kontinjen UniMAP telah membuat 11 rekod baru. Dalam acara lain juga, Kontinjen UniMAP telah menggungguli

kutipan pingat keseluruhan terbanyak iaitu 11 Emas, 4 Perak dan 4 Gangsa. Kontinjen UniMAP telah mendapat pingat emas keseluruhan melalui acara Olahraga, Hoki, Golf, Bola Sepak, Futsal Wanita dan Tenpin Boling manakala bagi pingat perak adalah bagi acara Bola Tampar Lelaki, Bola Tampar Pantai Lelaki, Bola Tampar Wanita Dan Futsal Veteran. Manakala bagi pingat gangsa adalah melalui acara Badminton dan Bola Jaring. Dengan itu, Kontigen UniMAP telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan untuk tahun kedua berturut-turut dengan jumlah kutipan pingat keseluruhan 30 Emas, 16 Perak dan 9 Gangsa.

Berikut adalah kedudukan pingat keseluruhan mengikut kontinjen.

Ked	Universiti	Emas			Perak			Gangsa			
		Olahraga	Acara Sukan	Jumlah	Olahraga	Acara Sukan	Jumlah	Olahraga	Acara Sukan	Jumlah	Jumlah Keseluruhan
1.	**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**	**19**	**11**	**30**	**12**	**4**	**16**	**4**	**4**	**8**	**54**
2.	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)	7	2	9	3	2	5	5	4	9	23
3.	Universiti Putra Malaysia (UPM)	5	1	6	8	1	9	2	2	4	19
4.	Universiti Malaysia Sabah (UMS)	5	1	6	2	0	2	5	1	6	14
5.	Universiti Sains Malaysia (USM)	3	2	5	2	2	4	7	5	12	21
6.	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)	1	3	4	2	2	4	1	3	4	12
7.	Universiti Malaya (UM)	2	0	2	8	3	11	9	4	13	26
8.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)	2	0	2	3	0	3	3	2	5	10
9.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	0	2	2	1	2	3	1	3	4	9
10.	Universiti Utara Malaysia (UUM)	0	2	2	0	2	2	0	3	3	7
11.	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)	0	1	1	3	1	4	5	0	5	10
12.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	0	1	1	0	2	2	1	2	3	6
13.	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)	0	1	1	0	0	0	0	1	1	2
14.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)	0	0	0	0	2	2	0	1	1	3
15.	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)	0	0	0	0	1	1	0	0	0	1
16.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (THM)	0	0	0	0	1	1	0	0	0	1
17.	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)	0	0	0	0	0	0	1	3	4	4
18.	Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)	0	0	0	0	0	0	1	2	3	3
19.	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20.	Universiti Malaysia Pahang (UMP)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0